

TERMA & DAN SYARAT AM (TSA) TERPAKAI BAGI SEMUA AKAUN DEPOSIT / PRODUK / PERKHIDMATAN

Terma dan Syarat Am (TSA) yang berikut hendaklah terpakai bagi semua akaun depositori serta kemudahan dan perkhidmatan perbankan lain di Affin Bank Berhad [No. Syarikat: 197501003274 (25046-T)] (kemudiannya dipanggil "Bank").

Pelanggan diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat GTC ini. Sekiranya terdapat syarat dan ketentuan dalam GTC ini yang tidak difahami oleh Pelanggan, Pelanggan disarankan untuk mendapatkan nasihat bebas dan / atau berbincang lebih lanjut dengan wakil Bank.

1. Am

- 1.1 Terma dan Syarat Am (TSA) yang berikut hendaklah terpakai bagi semua akaun depositori Bank dan beberapa kemudahan serta perkhidmatan perbankannya.
- 1.2 Perkataan yang merujuk kepada tunggal hendaklah termasuk majmuk dan yang sama terpakai secara terbalik (dan begitu juga sebaliknya); dan jantina maskulin hendaklah termasuk jantina feminin dan jantina neutral dan yang sama terpakai secara terbalik (dan begitu juga sebaliknya).
- 1.3 Apabila wujud dua orang atau lebih yang termasuk dalam istilah "Pelanggan" yang merujuk semua arahan, perjanjian dan obligasi, hendaklah dianggap sebagai telah dikeluarkan oleh dan mengikat kesemua orang tersebut secara bersama dan berasingan, dan Bank boleh bertindak berdasarkan notis atau arahan tersebut tanpa siasatan; dan apa-apa notis yang diberikan oleh Bank kepada salah seorang daripada mereka, hendaklah dianggap notis yang mencukupi kepada semua pemegang akaun. Jika Pelanggan telah melantik Pengguna yang Dibenarkan, semua rujukan terhadap "Pelanggan" juga merujuk Pengguna yang Dibenarkan bagi Pelanggan tersebut.
- 1.4 Rujukan masa pada sesuatu hari hendaklah dianggap sebagai merujuk masa di Malaysia dan rujukan terhadap apa-apa undang-undang termasuk apa-apa pindaan bagi undang-undang tersebut.
- 1.5 Produk-produk deposit dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
- 1.6 "Pelanggan" juga merujuk kepada individu yang masih hidup, wakil peribadi, pengganti hakmilik atau penerima serah hak Pelanggan.

2. Pembukaan Akaun

- 2.1. Akaun dan Perkhidmatan akan disediakan untuk individu, pemilik tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, syarikat, persatuan, badan berkanun dan entiti lain seumpamanya yang permohonannya untuk membuka Akaun dan / atau Perkhidmatan diterima oleh Bank.

- 2.2. Pelanggan hendaklah mematuhi keperluan umur minimum yang ditentukan oleh Bank bagi setiap akaun deposit. Pelanggan di bawah umur lapan belas (18) tahun juga mesti mengisi borang permohonan. Ibu bapa atau penjaga sah untuk Pelanggan sedemikian dikehendaki menandatangani surat tanggung rugi dan mengemukakan kepada Bank dengan dokumen sokongan seperti yang ditetapkan oleh Bank. Bagaimanapun, pihak Bank mungkin mengubah keperluan tersebut dari semasa ke semasa selepas notis dua puluh satu (21) hari kalendar diberikan kepada Pelanggan.
- 2.3. Akaun hendaklah dibuka dengan jumlah tidak kurang daripada deposit tunai awal minimum seperti yang ditentukan oleh Bank dari masa ke masa. Baki minimum seperti yang ditentukan oleh Bank hendaklah dikekalkan oleh Pelanggan bagi setiap jenis akaun selepas itu.
- 2.4. Penerimaan dan pelanjutan sesebuah akaun dan produk/perkhidmatan adalah terletak atas budi bicara Bank dan Bank tidak akan terikat untuk mengungkapkan alasan untuk sebarang penerimaan atau penutupan atau penutupan akaun.

3. Deposit dan Pengeluaran

- 3.1. Apabila deposit diterima oleh Bank, slip masuk wang (PIS) akan disahkan melalui mesin, cap tarikh atau diterima secara manual dengan ditandatangani oleh pegawai Bank yang diberi kuasa. Salinan pendua PIS akan diberikan kepada Pelanggan. Apabila PIS disahkan melalui mesin, Pelanggan hendaklah menyemak slip tersebut bagi memastikan semua butiran dicetak dengan betul pada slip sebelum meninggalkan premis Bank. Jika terdapat apa-apa kesilapan, Pelanggan perlu segera melaporkannya kepada Bank.
- 3.2. Apabila Bank menyediakan perkhidmatan / kemudahan khas melalui Mesin Deposit Tunai (CDM)/Mesin Deposit Cek (CQM) untuk menerima tunai dan cek, Pelanggan hendaklah mengikut prosedur yang diterangkan dengan betul.
- 3.3. Setiap deposit [sama ada melalui Mesin Deposit Cek (CQM) atau di kaunter] hendaklah dianggap sebagai telah disahkan oleh kakitangan Bank, dijelaskan sewajarnya dan deposit tersebut dimasukkan ke dalam rekod Bank.
- 3.4. Bank berhak menolak atau menerima cek yang dipungut dan instrumen monetari lain yang pada pendapat Bank berbeza dalam apa-apa cara atau mungkin telah dipinda dalam apa-apa cara walaupun pindaan itu mungkin telah ditandatangani balas oleh penyuruh bayar.
- 3.5. Setiap cek dan instrumen kewangan lain boleh diterima bagi pungutan tetapi wang tidak akan dikreditkan/tersedia sehinggalah Bank menerima bayaran bagi cek dan instrumen kewangan lain yang telah didepositkan ke dalam akaun Pelanggan. Walau bagaimanapun, pengaturan istimewa mungkin dilakukan dengan Bank untuk membenarkan pengeluaran yang mana hasilnya belum diterima oleh Bank.
- 3.6. Bank berhak untuk mendebit akaun Pelanggan pada nilai cek yang telah dibeli/terdiskaun sebelumnya atau mengkreditkan akaun Pelanggan sekiranya cek tersebut tidak laku. Bank juga boleh mendebitkan akaun Pelanggan dengan caj perbankan yang dikenakan.
- 3.7. Cek yang diterima untuk pungutan tetapi tidak laku boleh dikembalikan kepada Pelanggan dengan risiko dan perbelanjaannya sendiri.

- 3.8. Bank boleh menolak untuk menerima apa-apa deposit atau pengeluaran apabila berlaku kerosakan atau kegagalan sistem komputer dalam talian yang menjejaskan mana-mana cawangan Bank, sama ada disebabkan kerosakan atau kegagalan sepenuhnya atau separa.
- 3.9. Pengeluaran boleh dibuat oleh Pelanggan:
- Pada waktu kerja bank di Cawangan yang menguruskan akaun.
 - Di mana-mana Cawangan Bank tertakluk pada terma dan syarat seperti yang boleh dikenakan oleh Bank.
 - Melalui Mesin Juruwang Automatik (ATM). Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran melalui ATM hendaklah menurut terma dan syarat yang terpakai pada ATM seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 3.10. Pengeluaran di kaunter Cawangan Bank yang dibuat oleh Pelanggan hendaklah disertai dengan slip pengeluaran yang ditetapkan atau apa-apa borang yang dikeluarkan oleh Bank serta tertakluk pada pengemukaan bukti identiti tertentu seperti yang dikehendaki oleh Bank. Bank berhak menolak permohonan pengeluaran Pelanggan jika Pelanggan gagal memenuhi terma dan syarat atau dalam apa-apa cara yang Bank menganggapnya sesuai.
- 3.11. Bank berhak untuk meminda, melaraskan, membalikkan atau membatalkan sebarang transaksi atau kemasukan dalam akaun, buku simpanan, Penyata Akaun Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada mendebit akaun Pelanggan) jika Bank:
- diperlukan untuk membetulkan sebarang kesilapan atau ketinggalan; atau
 - dikehendaki memulangkan wang yang dikreditkan secara salah ke dalam akaun Pelanggan;

Sebarang pindaan, pelarasan, pembalikan, pembatalan dan pembedulan lain yang dibuat hendaklah sah dan mengikat Pelanggan.

4. Akaun Bersama

- 4.1. Akaun bersama dibuka oleh dua orang atau lebih.
- 4.2. Mandat dan tanggung rugi akaun bersama perlu dilengkapkan untuk membuka akaun bersama bagi Akaun Semasa atau Akaun Simpanan/Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Islam & Deposit Tetap atau Deposit Bertempoh Islam (CASA/CASA-i & FD/TD-i).
- 4.3. Semua perjanjian, obligasi, kuasa dan liabiliti yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap sebagai bersama dan berasingan. Bank akan melepaskan obligasinya kepada semua dengan memberikan notis kepada mana-mana orang yang dinamakan dalam akaun bersama itu.
- 4.4. Apabila akaun dibuka dan diuruskan secara bersama atau lebih banyak nama, Pelanggan bersetuju sekiranya berlaku kematian mana-mana pemegang akaun:
- Bank akan memegang wang dalam akaun mengikut arahan pemegang akaun yang masih hidup, walau apa pun tuntutan daripada mana-mana wakil undang-undang, tanpa menjejaskan apa-apa hak Bank yang timbul daripada apa-apa lien, gadai janji, gadaian, sandaran, tolak selesai, tuntutan balas atau selainnya. Bayaran kepada pemegang akaun yang

masih hidup akan melepaskan sepenuhnya tanggungjawab Bank.

- b) Pemegang akaun yang masih hidup membenarkan pihak Bank untuk menerima tandatangan secara bersejajam atau berasingan daripada pemegang akaun yang hidup sebagai mandat yang mencukupi untuk meneruskan operasi akaun. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa tuntutan daripada mana-mana pihak, yang mungkin timbul dalam melaksanakan mandat tersebut melainkan tuntutan tersebut secara langsung disebabkan oleh kecuai Bank, keingkaran dan penipuan.
- c) Sekiranya berlaku kematian salah satu pemegang akaun, pemegang akaun yang selebihnya memberi kuasa kepada bank untuk menerima tandatangan secara bersama atau terpisah dari pemegang akaun yang masih ada sebagai mandat yang mencukupi untuk meneruskan operasi akaun dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan dari mana-mana pihak, yang mungkin timbul semasa menjalankan mandat tersebut.

5. Akaun Perkongsian

- 5.1. Bagi akaun perkongsian, kebenaran pertama yang diberi harus kekal berkuat kuasa sehingga dibatalkan secara bertulis yang mana pembatalan tersebut mesti diakui oleh pihak Bank. Apa-apa perubahan dalam perlembagaan atau nama firma atau mana-mana pertukaran dalam keahlian firma disebabkan oleh kematian, kebangkrutan, persaraan atau sebaliknya atau kemasukan pekongsi baharu tidak akan mengikat Bank sehingga penerimaan sebenar perubahan tersebut. Pihak Bank berhak untuk menganggap individu yang hidup atau pekongsi berterusan atau pekongsi pada masa ini sebagai mempunyai kuasa penuh untuk menjalankan perniagaan dan berurusan dengan aset jika tiada pertukaran dalam firma atau yang mana tiada pemberitahuan sebenar diterima.
- 5.2. Bagi Akaun Bersama, sama ada untuk melaksanakan mandat, Bank mempunyai budi bicara untuk menolak / menerima apa-apa cek yang tidak perlu dibayar kepada semua Pelanggan yang dinamakan.

6. Arahan

- 6.1. Pelanggan hendaklah memberikan senarai nama dan contoh tandatangan diberi kuasa kepada Bank dan hendaklah memaklumkan secara bertulis tentang apa-apa perubahan, apabila berkenaan dari masa ke masa, disertai salinan resolusi yang disahkan yang hendaklah menjadi keterangan muktamad. Pelanggan hendaklah memastikan tandatangannya pada cek, arahan dan komunikasi dengan Bank serupa dengan yang diberikan dalam contoh tandatangan, dan jika gagal Bank mempunyai budi bicara penuh untuk menolak daripada bertindak ke atas cek, arahan dan komunikasi tersebut. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Bank berhak bertindak ke atas cek, arahan atau komunikasi oleh Pelanggan walaupun tandatangan Pelanggan berbeza daripada yang diberikan dalam contoh tandatangan jika cek, arahan atau komunikasi tersebut adalah sebenarnya daripada Pelanggan. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Bank tidak akan bertanggungjawab oleh sebab apa-apa pemuatan atau kegagalan mematuhi kehendak Pelanggan atau komunikasi berhubung dengan apa-apa cek atau instrumen perbankan.

7. Caj Bank

- 7.1. Senarai fi dan caj Bank untuk perkhidmatan depositori serta kemudahan dan perkhidmatan perbankan, seperti yang akan dikenakan dan / atau disemak semula oleh Bank dari masa ke masa seperti yang dianggapnya sesuai dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari, hendaklah disediakan apabila diminta.
- 7.2. Sila rujuk AffinAlways.com untuk mendapatkan Tarif Caj terkini Bank dan juga boleh didapati di semua cawangan bank.

8. Penyata

- 8.1. Bagi akaun berasaskan penyata, penyata akan disediakan sekali sebulan atau pada kekerapan lain seperti yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa. Penyata akaun tersebut adalah muktamad dan mengikat pelanggan kecuali Bank diberitahu secara bertulis dengan segera tentang apa-apa kesilapan / perbezaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyata akaun itu. Penyata akaun adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan.
- 8.2. Permintaan pelanggan untuk mendapatkan penyata akaun tambahan (dalam salinan keras) akan tertakluk pada fi caj perkhidmatan yang terpakai.

9. Perubahan Alamat, Tandatangan atau Butiran

- 9.1. Pelanggan berjanji akan memberitahu Bank secara bertulis dengan segera tentang apa-apa perubahan alamat atau tandatangan atau butiran lain, dan jika gagal berbuat demikian, Bank hendaklah dilepaskan daripada semua liabiliti untuk menghantar apa-apa notis ke alamat terakhir yang diketahui.
- 9.2. Apa-apa Penyata akaun, surat-menyurat atau notis kepada Pelanggan boleh disampaikan secara serahan tangan atau dihantar melalui pos prabayar ke alamat Pelanggan yang dinyatakan dalam borang permohonan Bank atau ke alamat tertentu atau alamat e-mel yang diberitahu oleh Pelanggan kepada Bank dari semasa ke semasa. Ia hendaklah dianggap sebagai telah diterima sewajarnya oleh Pelanggan dalam tempoh lima (5) hari kerja selepas diposkan. Apa-apa kegagalan pada pihak Pelanggan untuk memberitahu apa-apa perubahan alamat dan/atau alamat e-emelnya yang mengakibatkan kelewatan atau pengembalian apa-apa penyata, surat-menyurat dan notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini.
- 9.3. Alamat terakhir diketahui, alamat e-mel dan nombor telefon Pelanggan dianggap sebagai alamat, alamat e-mel dan nombor telefon Pelanggan yang betul jika tiada apa-apa pemberitahuan tentang perubahan alamat, alamat e-mel dan nombor telefon diterima oleh Bank. Pelanggan bertanggungjawab membuktikan bahawa Bank telah mengetahui dan menguatkuasakan perubahan tersebut, jika ada.
- 9.4. Pelanggan dikehendaki mengemaskinikan contoh tandatangannya, kebenaran PDPA, perisytiharan FATCA & CRS apabila berkenaan atau perlu. Jika tidak, Bank akan bergantung pada rekod terakhir yang diketahui.

10. Penghantaran Saman dan Pernyataan Tuntutan

- 10.1. Semua pihak dengan ini bersetuju bahawa penghantaran apa-apa panggilan dan pernyataan melalui pos ke alamat Pelanggan yang terakhir seperti dinyatakan

dalam borang permohonan Bank atau ke alamat terakhir yang diberitahu oleh Pelanggan kepada Bank hendaklah dianggap sebagai telah menyerahkan notis lima (5) hari selepas pemberitahuan.

11. Akaun Tidak Aktif dan Wang Tidak Dituntut

- 11.1. Pelanggan bersetuju bahawa jika tiada transaksi dijalankan ke atas akaun bagi tempoh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Bank menurut budi bicara mutlaknyanya, Bank boleh menganggap akaun tersebut sebagai dorman dan boleh mengenakan caj atau fi atau menutup akaun tersebut.
- 11.2. Semua akaun tanpa transaksi kewangan bagi tempoh 12 bulan atau lebih dikelaskan sebagai dorman.
- 11.3. Sebaik sahaja akaun dianggap dorman, Pelanggan boleh memilih untuk mengaktifkannya semula atau menutup akaun tersebut sebelum dana yang ada dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- 11.4. Bank hendaklah memberikan notis sekurang-kurangnya 21 hari kalendar kepada pelanggan sebelum wang tak dituntut dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- 11.5. Pelanggan bersetuju bahawa di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 semasa atau apa-apa pindaan berkanun padanya, apa-apa wang dalam akaun yang tidak ditransaksikan bagi tempoh tujuh (7) tahun mestilah digazet sebagai "Wang Tak Dituntut" dan hendaklah diremitkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut dan akaun tersebut hendaklah ditutup oleh Bank.

12. Pembekuan Akaun

- 12.1. Bank boleh melaksanakan tindakan membekukan, menggantung, menghalang atau menyekat penggunaan akaun atau menutup akaun pada bila-bila masa menurut atau melalui kuasa mana-mana undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, enakmen dan/atau apabila berlaku mana-mana satu kejadian yang berikut:
 - a. jika operasi akaun adalah tidak menurut undang-undang, kaedah, peraturan dan/atau terma dan syarat Bank yang terpakai untuk akaun (termasuk tetapi tidak terhad kepada terma dan syarat ini);
 - b. sekiranya Bank mengesyaki atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa akaun atau mana-mana bahagiannya digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - c. jika Pelanggan melanggar sebarang peruntukan yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini;
 - d. jika maklumat/dokumen diberikan kepada Bank untuk membuka akaun, identiti didapati palsu/tidak tepat/diubah/disalah nyata;
 - e. jika apa-apa cek/instrumen monetari/jumlah yang telah dikreditkan ke dalam akaun ialah hasil daripada apa-apa instrumen/arahan yang palsu/diubah/transaksi penipuan, dengan/tanpa penglibatan pemegang akaun;
 - f. jika aduan dibuat oleh pihak ketiga kepada polis/Bank yang akaunnya telah digunakan untuk menjalankan apa-apa transaksi/deposit/komplot/mendapatkan deposit haram secara penipuan. Bagaimanapun, dengan budi bicara Bank ke atas akaun yang dibekukan/digantung atau ditutup hendaklah berdasarkan

penyiasatan dalaman yang dilakukannya sendiri atau maklumat yang diberikan kepadanya oleh polis/pihak berkuasa;

- g. jika terdapat apa-apa laporan yang dibuat terhadap Pelanggan di bawah Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (“AMLATFPUAA”) sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa;
- h. jika terdapat siasatan oleh pihak polis atau organisasi polis, badan atau agensi kerajaan, suruhanjaya pencegahan rasuah atau agensi atau pengawal selia (di Malaysia atau di tempat lain) yang masih belum selesai, sedang berjalan atau menggugat terhadap Pelanggan;
- i. jika Pelanggan meninggal dunia atau menjadi tidak mampu membayar hutang, melakukan satu tindakan muflis, atau dalam hal Pelanggan adalah syarikat, petisyen dibentangkan untuk penggulungannya atau satu resolusi diluluskan untuk penggulungan sukarela;
- j. jika berlaku kematian pemegang akaun dan akaun tersebut akan ditamatkan atau dibatalkan apabila dikemukakan kepada Bank, geran probet atau surat kuasa oleh pengganti si mati atau apa-apa borang lain yang berkaitan daripada Pejabat Tanah dan/atau apa-apa badan lain yang diluluskan di bawah undang-undang berkaitan yang semasa ketika diserahkan kepada Bank;
- k. jika terdapat perintah kebangkrutan/pembubaran terhadap Pelanggan;
- l. jika Bank dikehendaki membekukan, menggantung atau menutup akaun melalui Bank Negara Malaysia (“BNM)/pihak berkuasa di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai;
- m. jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana perintah garnisan untuk menunjukkan sebab, injuksi, perintah mahkamah Syariah, perintah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“SPRM”) dan/atau keperluan AMLATFPUAA,

dengan syarat seterusnya, selepas pembekuan atau penutupan akaun tersebut, Bank menurut budi bicara, boleh memindahkan jumlah yang dibekukan/baki yang ada kepada akaun tanpa hibah/yang memperoleh pendapatan sehingga isu penting berkaitan akaun atau seperti yang diarahkan oleh mahkamah/pihak berkuasa, selesai. Notis yang munasabah akan diberikan kepada Pelanggan sebelum pembekuan/penggantungan/penutupan yang mana ia adalah sah dan praktikal untuk berbuat sedemikian, atau secepat yang dapat dilaksanakan selepas itu, melainkan dikehendaki oleh badan pengawal selia/agensi/perintah mahkamah.

- 12.2 Hak dan kelayakan Bank di bawah terma dan syarat ini hendaklah terus berkuat kuasa dan boleh dilaksanakan sepenuhnya serta hendaklah diteruskan selepas apa-apa penutupan atau penggantungan akaun oleh Bank.
- 12.3 Kecuali dikehendaki oleh undang-undang atau keperluan pengawalseliaan, Bank tidak dikehendaki untuk memberikan apa-apa penjelasan/untuk pembekuan, penggantungan atau penutupan akaun.
- 12.4 Pelanggan tidak boleh menggunakan akaun untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika Bank mendapati, mengesyaki atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa akaun Pelanggan telah digunakan atau sedang digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank boleh mengambil apa-apa tindakan yang dianggap wajar oleh pihak Bank:-
 - a) untuk memenuhi apa-apa kewajipan atau kehendak di Malaysia atau di tempat lain;
 - b) berkaitan dengan pencegahan mana-mana aktiviti yang menyalahi undang-undang (termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang

- haram, aktiviti berkaitan pengganas, penyuaipan, rasuah dan pengelakan cukai); atau
- c) untuk penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan.

Tindakan yang mungkin diambil oleh Bank termasuklah penutupan akaun dengan segera, membuat laporan dan mengambil tindakan yang dianggap sesuai oleh Bank.

- 12.5 Jika terdapat apa-apa kewajipan pembayaran oleh Bank kepada Pelanggan selepas penutupan atau pembatalan akaun, Bank akan mengeluarkan dan menghantar deraf bank atau perintah taksir yang dibayar kepada Pelanggan, melalui pos biasa, ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui dalam rekod Bank atau dengan cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank. Selepas Bank telah bertindak mengikut peruntukan di atas, tindakan tersebut dianggap sebagai pelepasan tanggungjawab Bank yang sah dan lengkap berhubung dengan akaun tersebut.

13. Penutupan Akaun

- 13.1. Pelanggan boleh menutup mana-mana atau semua akaun dengan memberikan notis bertulis dan memberitahu Bank. Bagi akaun bersama yang ditetapkan sebagai "sama ada / atau untuk tandatangan" hanya memerlukan satu pihak untuk menutup akaun menurut mandat yang dipersetujui pelanggan semasa membuka akaun.
- 13.2. Untuk menutup Akaun Semasa Syarikat, Pelanggan perlu mengemukakan salinan Resolusi Lembaga Pengarah yang telah disahkan sebagai salinan yang disahkan benar oleh Setiausaha Syarikat atau mana-mana pengarah disertai surat bertulis tentang arahan penutupan. Sebagai alternatif, surat dari penandatangan yang diberi kuasa hendaklah dianggap mencukupi.
- 13.3. Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak menutup:
- a) Mana-mana akaun dengan baki sifar selepas 180 hari oleh sistem dengan memberikan notis terdahulu kepada Pelanggan.
 - b) Mana-mana akaun yang pada pendapat Bank, yang tidak dikendalikan dengan cara yang memuaskan.
 - c) Mana-mana akaun dengan baki debit yang perlu dibayar untuk caj perkhidmatan atau caj penalti bagi Sistem Maklumat Cek Tidak Laku (DCHEQS).
- 13.4. Semua helaian cek yang tidak digunakan untuk akaun semasa bagi syarikat dan individu mesti dikembalikan kepada Bank untuk pembatalan.
- 13.5. Pelanggan boleh meminta penutupan awal akaun dalam tempoh enam (6) bulan pembukaan akaun dan Bank akan mengenakan caj kepada Pelanggan.

14. Hak Penyatuan dan Tolak Selesai

- 14.1. Pelanggan bersetuju bahawa Bank, pada bila-bila masa, dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kepada Pelanggan, boleh menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank, walau apa pun jenis dan walau apa pun lokasinya dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain atau menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah yang ada dalam kredit bagi mana-mana akaun tersebut termasuk akaun bersama atau untuk menjelaskan apa-apa

jumlah yang perlu dibayar kepada Bank di bawah mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank, walau apa pun jenis dan walau apa pun lokasinya dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain dan Pelanggan dengan ini membenarkan Bank menguatkuasakan mana-mana gabungan, penyatuan, tolak selesai atau pemindahan tersebut dengan pertukaran yang sesuai mengikut kadar pertukaran semasa Bank yang akan ditentukan menurut budi bicara mutlak Bank.

15. Tanggung Rugi

- 15.1. Pelanggan berjanji akan menanggung rugi Bank terhadap apa-apa tuntutan, ganti rugi, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman antara peguam cara dengan klien masing-masing) dan semua liabiliti lain, walau apa pun jenisnya yang boleh dibuat, diambil, ditanggung atau dihadapi oleh Bank berhubung dengan atau dalam apa-apa cara yang timbul daripada peruntukan bagi mana-mana perkhidmatan oleh Bank menurut Terma dan Syarat atau penerimaan apa-apa arahan yang diberikan oleh Pelanggan atau pelanggaran mana-mana peruntukan Terma dan Syarat oleh Pelanggan kecuali perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti itu berpunca daripada kegagalan, kelalaian atau pemalsuan oleh Bank. Liabiliti Pelanggan hendaklah liabiliti berterusan dan akan terus berkuat kuasa serta dilaksanakan sehingga liabiliti Pelanggan terhadap Bank dilepaskan sepenuhnya.
- 15.2. Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank disebabkan jaminannya terhadap mana-mana pengendorsan, penjelasan mana-mana cek, bil, wang kertas, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Pelanggan untuk pungutan dan setiap jaminan diberikan oleh Bank itu hendaklah dianggap sebagai telah diberikan atas permintaan jelas oleh Pelanggan dalam setiap kes. Walaubagaimanapun, jika kerugian disebabkan oleh kelalaian, kecuaiian atau penipuan Bank secara langsung, Pelanggan tidak akan bertanggungjawab.

16. Undang-undang

- 16.1. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan menurut Undang-undang Malaysia. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk tertakluk pada kuasa Mahkamah Malaysia. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penyampaian apa-apa proses boleh dilaksanakan dengan mengepos proses tersebut kepada Pelanggan mengikut cara yang dinyatakan dalam Fasal 10.

17. Kaedah dan Peraturan

- 17.1. Apabila berkenaan, Pelanggan hendaklah mematuhi Notis Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (“Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing”) yang dikeluarkan oleh BNM berhubung dengan apa-apa transaksi, termasuk transaksi luar negara.
- 17.2. Pelanggan dengan ini membenarkan Bank mengambil apa-apa langkah untuk mematuhi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing semasa dan berkaitan serta apa-apa peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari masa ke masa berhubung dengan apa-apa transaksi. Apabila berkenaan, Pelanggan hendaklah mematuhi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang semasa yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia sebagai “Pihak Berkuasa Pertukaran Mata Wang”.

- 17.3. Bank mungkin bertanggungjawab di bawah AMLATFPUAA dan/atau undang-undang serta peraturan lain untuk melaporkan transaksi-transaksi tertentu kepada BNM dan/atau pihak berkuasa lain yang berkaitan. Pelanggan membenarkan pelaporan tersebut dan bersetuju bahawa Bank, pegawai dan kakitangannya tidak bertanggungjawab untuk membuat laporan tersebut.
- 17.4. Pelanggan hendaklah mematuhi sebarang peraturan, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM dan/atau badan pengawalseliaan yang berkaitan di mana Pelanggan adalah atau akan dikenakan dari semasa ke semasa.

18. Pendedahan

- 18.1 Pelanggan memberikan persetujuan kepada (sebagai tambahan kepada orang-orang yang dinyatakan dalam Jadual 11 (Pengungkapan yang Diizinkan) dari Akta Perkhidmatan Kewangan 2013) orang-orang berikut untuk mendedahkan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan dan akaun Pelanggan atau hubungan berurusan dengan Bank, termasuk tetapi tidak terbatas pada perincian akaun deposit Pelanggan, kemudahan dan keselamatan yang diambil, transaksi yang dilakukan dan baki dan kedudukan dengan Bank ("Akaun"):
- ibu pejabat Bank, cawangan, pejabat perwakilan dan mana-mana pejabatnya, cawangan, syarikat berkaitan, sekutu atau sekutu di Malaysia atau luar negeri (secara kolektif "Pihak Berkaitan" dan masing-masing "Pihak Berkaitan") untuk pangkalan data atau data apa pun memproses tujuan atau tujuan lain tanpa mengira tempat perniagaan utama Pihak Berkaitan mungkin berada di luar Malaysia atau bahawa maklumat Pelanggan berikutan pendedahan dapat dikumpulkan, dipegang, diproses atau digunakan oleh mana-mana Pihak Berkaitan secara keseluruhan atau sebahagian di luar Malaysia; atau
 - mana-mana peserta atau peserta yang sebenarnya atau yang dicadangkan dalam, atau penerima hak, atau peserta dalam pasaran hutang sekunder atau pemula hak Bank berhubung dengan Akaun; atau
 - mana-mana ejen, kontraktor, penasihat profesional atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga, yang memberikan perkhidmatan apa pun kepada Bank berkaitan dengan operasi perniagaannya yang berada di bawah kewajiban kerahsiaan kepada Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen pungutan hutang atau mana-mana orang untuk tujuan pemulihan sejumlah wang tertunggak yang perlu dibayar di bawah Akaun; atau
 - mana-mana institusi kewangan yang dengannya Pelanggan mempunyai atau mencadangkan untuk mengadakan urusan; atau
 - Unit Kredit Pusat, CCRIS, CTOS Sistem Maklumat Cek yang Tidak Diharapkan, Unit Perisikan Kewangan, Bank Negara Malaysia atau mana-mana orang yang Bank berkewajiban untuk membuat pendedahan di bawah kehendak mana-mana undang-undang yang mengikat Bank atau mana-mana cawangannya atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa Bank; atau
 - kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sekiranya pengeluaran dana dilakukan oleh Pelanggan sehubungan dengan Akaun; dan/atau
 - mana-mana pihak keselamatan Akaun.
- 18.2 Pelanggan mengakui bahawa segala maklumat yang diungkapkan oleh Bank kepada orang-orang yang dinyatakan dalam Bahagian 18 ini didedahkan

dengan niat baik. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atau orang lain atas ketidaktepatan, ketidaklengkapan atau kekurangan keaslian kandungan pendedahan tersebut kecuali disebabkan oleh kecuaiian, keingkaran atau penipuan Bank.

19. Fasal Privasi Kumpulan

- 19.1. Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa beliau telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan Bank dan fasal dalam dokumen ini yang berkaitan pemprosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju Notis Privasi Kumpulan itu hendaklah dianggap telah dimasukkan dengan merujuk Terma dan Syarat ini.
- 19.2. Sila rujuk Notis Privasi Kumpulan kami yang boleh didapati di mana-mana pejabat atau cawangan Kumpulan Affin Bank Berhad atau di laman web AffinAlways.com

20. Cukai

Apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam dokumen ini atau yang perlu dibayar oleh mana-mana pihak kepada mana-mana pihak yang satu lagi yang dilampirkan di sini hendaklah dianggap sebagai tidak termasuk cukai yang akan dikenakan ke atas bekalan (atau pelbagai bekalan) yang jumlah tersebut (seluruh atau sebahagian) ialah balasan untuk tujuan cukai. Caj Bank tidak termasuk cukai yang akan dikenakan pada masa depan. Apabila melaksanakan cukai tersebut, Bank boleh mendapatkan semula apa-apa cukai daripada Pelanggan yang perlu dipungut oleh Bank menurut undang-undang.

21. Force Majeure

- 21.1. Force Majeure ("FM") bermaksud apa-apa sebab di luar kawalan yang munasabah oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengehadan, kegagalan, atau gangguan apa-apa alat mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan atau talian penghantaran data, sistem utiliti atau komunikasi, sabotaj, kebakaran, banjir, gempa bumi, letupan, bencana alam, mogok, pertikaian perindustrian, rusuhan, tindakan keganasan atau perang atau apa-apa sekatan kawalan monetari atau pertukaran.
- 21.2. Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga bagi apa-apa kesulitan, kecederaan, perbelanjaan, liabiliti, ganti rugi jika apa-apa kejadian di bawah disebabkan oleh Force Majeure:-
 - a) Jika Bank tidak dapat menjalankan mana-mana obligasinya di bawah ini atau menyediakan mana-mana satu Perkhidmatannya: atau
 - b) Jika dana yang dikreditkan ke dalam atau didebitkan daripada Akaun tidak dapat diakses atau mengalami susut nilai.
- 21.3. Sekiranya mana-mana mata wang yang perlu dibayar oleh pihak Bank menjadi tidak tersedia disebabkan oleh sekatan ke atas penukaran atau pemindahan atau FM, pihak Bank boleh membuat pembayaran dalam mata wang lain pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh pihak Bank dan berlaku pada masa tersebut.

22. Perubahan Terma dan Syarat

- 22.1. Bank berhak mengkaji semula dan menyemak mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dahulu, dengan megeposnya di laman web Bank atau notis bertulis kepada Pelanggan. Pelanggan dinasihatkan merujuk terma dan syarat yang dikemas kini di laman web Bank AffinAlways.com dari semasa ke semasa. Terma dan syarat terkini yang disediakan di laman web Bank akan menggantikan semua terma dan syarat sebelum ini yang dibuat antara Bank dengan Pelanggan di bawah terma dan syarat ini.
- 22.2. Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan perubahan/pindaan, Pelanggan boleh memaklumkan kepada Bank tentang perkara yang sama dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari pemberitahuan notis. Pelanggan mempunyai hak untuk menamatkan hubungan sebagai Pelanggan dengan menutup akaun(-akaun) dengan Bank. Walau bagaimanapun, jika Pelanggan terus menggunakan perkhidmatan Bank selepas notis itu, Pelanggan dianggap telah menerima perubahan tersebut.
- 22.3. Pelanggan bersetuju untuk menerima dan mematuhi apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di atas termasuk apa-apa terma dan syarat baru yang Bank boleh membuat keputusan mengikut budi bicaranya.
- 22.4. Terma dan syarat ini tertakluk pada dan ditadbir oleh peraturan, peraturan dan garis panduan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh BNM, Persatuan Bank di Malaysia dan badan-badan berkaitan lain yang dibuat menurut undang-undang yang berkenaan.

23. Perisytiharan

- 23.1. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan peraturan tertentu dan apa-apa pindaan padanya. Pelanggan maklum bahawa pihak Bank mungkin perlu menjalankan semakan wajar semasa pembukaan akaun atau dari semasa ke semasa. Pelanggan bersetuju untuk menerima dan menandatangani borang atau pengisytiharan termasuk persetujuan untuk PDPA, pengisytiharan FATCA/CRS dan apa-apa pengisytiharan lain yang diminta oleh pihak Bank. Jika Pelanggan menolak untuk berbuat demikian, pihak Bank boleh menggantung, menutup atau menolak pembukaan atau penyenggaraan akaun.
- 23.2. Keperluan di bawah PDPA/FATCA/CRS merupakan sebahagian daripada terma dan syarat yang mentadbir hubungan Pelanggan dengan Bank dan akan mengikat Pelanggan setakat mana ia terpakai kepada Pelanggan.
- 23.3. Pihak Bank dan syarikat gabungannya yang berkaitan adalah tertakluk pada dan dikehendaki, atau telah bersetuju untuk mematuhi FATCA ("Keperluan Laporan FATCA"). Sehubungan itu, Pihak Bank dikehendaki untuk mengumpul maklumat mengenai setiap Pelanggannya di bawah Keperluan Laporan FATCA. Sekiranya Pelanggan adalah individu A.S., pihak Bank mungkin perlu memberikan maklumat akaun Pelanggan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("LHDNM"), yang kemudiannya boleh dikongsi dengan Internal Revenue Service ("IRS") Amerika Syarikat.
- 23.4. Bank dan syarikat gabungannya yang berkaitan dikehendaki mematuhi

Peraturan CRS ("Keperluan Laporan CRS"). Sehubungan itu, pihak Bank dikehendaki mengumpul maklumat mengenai cukai residen Pelanggan di bawah peraturan cukai yang berkenaan. Sekiranya Pelanggan bukan pemastautin cukai di Malaysia, pihak Bank mungkin perlu memberikan maklumat akaun Pelanggan kepada LHDNM, yang kemudiannya boleh dikongsi dengan pihak berkuasa cukai yang lain dari bidang kuasa yang menyertai CRS.

- 23.5. Pelanggan mengesahkan bahawa pengisytiharan yang diberikan di bawah FATCA/CRS atau apa-apa pengisytiharan lain yang dikehendaki oleh pihak Bank adalah benar, tepat, dan lengkap.
- 23.6. Pelanggan membenarkan pihak Bank untuk memberikan secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pihak berkuasa cukai yang berkaitan atau mana-mana pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan audit atau menjalankan kawalan yang sama untuk tujuan cukai. Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan kepada pihak berkuasa cukai atau pihak tersebut untuk apa-apa maklumat yang diperlukan.
- 23.7. Pelanggan bersetuju untuk mengemukakan kepada pihak Bank borang baharu dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat kesalahan pada pengesahan atau pengisytiharan yang berkenaan dengan PDPA/FATCA/CRS.
- 23.8. Pelanggan akan bertanggungjawab untuk mematuhi apa-apa peraturan dan had, dan pindaan. Pelanggan bersetuju menanggung rugi dan melindungi Bank daripada dan terhadap semua tuntutan, liabiliti dan kerosakan yang timbul daripada kegagalan Pelanggan untuk mematuhi kecuali jika tuntutan, liabiliti dan kerosakan timbul/secara langsung daripada kelalaian, kecuaiian atau penipuan pihak Bank.
- 23.9. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab di atas pelanggaran atau ketidakpatuhan

24. Pendedahan Maklumat & Etika Perniagaan

- 24.1. Apabila mengetahui mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank, secara langsung atau tidak langsung, meminta atau menerima daripada Pelanggan atau Afiliasi Pelanggan, sebarang Gratifikasi (sama ada untuk faedah atau kelebihan diri sendiri atau untuk faedah atau kelebihan orang lain, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh hubungan dengan Bank), sila e-melkan ke whistle_blowing@affinalways.com dengan segera untuk perkara yang sama.
- 24.2. Pelanggan mengaku bahawa Pelanggan atau Afiliasi Pelanggan atau sesiapa yang bertindak mengikut arahan atau kuasa Pelanggan (sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh hubungan dengan Bank, secara langsung atau tidak langsung, memberi atau menawarkan, atau setuju untuk memberi atau menawarkan, sebarang Gratifikasi sebagai dorongan atau ganjaran kepada mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau ejen Bank) untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan atau menunjukkan kesetujuan atau ketidaksetujuan kepada sesiapa, berhubung dengan akaun.
- 24.3. Sekiranya terdapat bukti bahawa Pelanggan atau Afiliasi Pelanggan atau sesiapa yang bertindak di bawah arahan atau kuasa Pelanggan adalah melanggar Fasal 24.1 dan 24.2, Bank boleh menamatkan akaun (tanpa menjejaskan hak-hak remedi Bank yang lain di bawah undang-undang) dengan

memberi notis bertulis kepada Pelanggan. Apabila akaun tersebut ditamatkan, Bank berhak menuntut semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan yang timbul daripada penamatan tersebut dari Pelanggan.

- 24.4. Tertakluk kepada mana-mana pengawalseliaan pendedahan yang dibenarkan atau fasal lain yang membenarkan penzahiran dalam terma dan syarat ini, Bank akan menyimpan rahsia apa-apa maklumat yang didedahkan atau diterima termasuk identiti orang yang memberi maklumat dan semua hal keadaan yang berkaitan dengan maklumat itu.
- 24.5. Pelanggan juga harus mendedahkan maklumat sekiranya berlaku sebarang penyelewengan atau salah laku oleh mana-mana kakitangan, kontraktor, vendor, pihak ketiga atau ejen Bank. Sila rujuk kepada Dasar Pemberitahuan Maklumat Bank di AffinAlways.com untuk tujuan pematuhan.
- 24.6. (i) 'Afiliasi' bermaksud berhubung dengan Pelanggan korporat, mana-mana orang atau entiti yang dimiliki dan dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan, atau mana-mana orang atau entiti yang mengawal Pelanggan secara langsung atau tidak langsung dalam apa jua cara sekalipun.

(ii) 'Gratifikasi' termasuk apa-apa hadiah, wang, harta benda atau benda bernilai atau apa-apa perkhidmatan, sokongan atau benda lain yang bernilai, atau apa-apa perkhidmatan, sokongan atau manfaat tidak ketara atau apa-apa pertimbangan lain, atau apa-apa kelebihan yang serupa.
- 24.7. Pelanggan perlu menunjukkan tingkah laku etika dan profesionalisme yang tinggi untuk melindungi nama baik Bank dengan mengambil semua perlindungan dan langkah berjaga-jaga yang perlu untuk memberi amaran kepada suruhanjaya tentang apa-apa pelakuan yang tidak beretika termasuk apa-apa rupa atau tanggapan kepada kesan tersebut.

25. Anti-Pengubahan Wang Haram dan Sekatan

- 25.1. Pelanggan dikehendaki menyediakan dan mendedahkan kepada Bank, dalam masa yang ditetapkan oleh Bank, sebarang maklumat, pernyataan dan penjelasan berkaitan dengan akaun yang di anggap perlu oleh Bank untuk:
 - (a) mematuhi undang-undang atau sekatan Malaysia dan mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan pengubahan wang haram atau anti-keganasan); dan/atau
 - (b) menguruskan risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko sekatan ekonomi dan perdagangan.
- 25.2. Bank tidak bertanggungjawab untuk meneruskan apa-apa transaksi atau pengeluaran sehingga Bank menerima maklumat tersebut dari Pelanggan dan mengesahkan yang sama sehingga Bank berpuas hati.
- 25.3. Pelanggan mengisytiharkan dan mengaku kepada Bank bahawa pemprosesan apa-apa transaksi tidak akan melanggar mana-mana undang-undang atau sekatan di Malaysia atau mana-mana negara lain. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa kelewatan atau kegagalan untuk memproses apa-apa transaksi disebabkan oleh apa-apa maklumat atau dokumentasi yang tidak lengkap disediakan oleh Pelanggan.

26. Pelbagai

- 26.1. Jika terdapat aduan berkaitan akaun, Pelanggan boleh mengemukakan nota kepada cawangan masing-masing, iaitu tempat akaun itu diuruskan. Selain itu, Pelanggan boleh mengisi Borang Maklum Balas dalam Talian yang boleh didapati di AffinAlways.com atau dengan menghantar e-mel ke yourvoice@affingroup.com
- 26.2. Selain apa-apa peruntukan dalam terma dan syarat ini, Bank boleh membekukan atau menggantung operasi semua akaun semasa/deposit Pelanggan menurut terma bagi mana-mana perintah mahkamah (contohnya, kebangkrutan, pembubaran, injunksi, garnisan) atau permohonan tunjuk sebab yang diberikan ke atasnya dan Bank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa ganti rugi yang dialami oleh Pelanggan akibat pembekuan atau penggantungan tersebut. Bank juga boleh menarik balik pembekuan atau penggantungan tersebut apabila menerima perintah mahkamah tentang perkara tersebut.
- 26.3. Bank berhak untuk tidak bertindak atas mana-mana Kuasa Peguam ("KP") Pelanggan melainkan jika peguam dan Pelanggan hadir untuk melakukan transaksi pertama menggunakan KP. KP juga mesti membenarkan pengeluaran, deposit dan penutupan akaun dan mesti diberi pertimbangan yang berharga dan dinyatakan sebagai tidak boleh dibatalkan. KP mesti mematuhi kehendak undang-undang yang terpakai kepada KP.

GTC di atas akan digunakan pada semua jenis akaun / produk / perkhidmatan, dan terma dan syarat khas yang dinyatakan di bawah ini hendaklah membentuk sebahagian daripada dan hendaklah dibaca bersama dengan GTC.

TERMA & SYARAT KHAS

27. ARAHAN TETAP (SI)

- 27.1. Pelanggan berjanji akan memastikan dana yang cukup disimpan dalam akaun mereka supaya dapat memenuhi pembayaran.
- 27.2. Walaupun Bank akan berusaha melaksanakan pembayaran berkala tersebut, namun Bank tidak bertanggungjawab untuk melaksanakannya, dan seterusnya Bank tidak akan menanggung apa-apa liabiliti melalui apa-apa kesilapan, keengganan atau pengabaian untuk membuat semua atau mana-mana pembayaran atau disebabkan pembayaran lewat atau pengabaian untuk mengikuti mana-mana arahan kecuali kesilapan, keengganan atau pengabaian tersebut berpunca daripada kegagalan, kecuaiian atau pemalsuan pada pihak Bank.
- 27.3. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank atau mana-mana cawangannya, wakilnya atau ejennya tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi disebabkan kesilapan atau kelewatan atau kegagalan apa-apa jenis penghantaran atau penyampaian apa-apa mesej dalam melaksanakan SI melalui mel, telefon, kabel atau tanpa wayar, termasuk contohnya, terhasil daripada penggunaan kod atau disebabkan apa-apa tindakan atau dekri, sama ada sah atau tidak sah, oleh mana-mana kerajaan atau agensi kerajaan atau disebabkan kegagalan mana-mana cawangan, wakil atau ejen untuk mengenal pasti penerima dalam membuat pembayaran kecuali kerugian atau ganti rugi

tersebut berpunca daripada kegagalan, kecuaiian atau penipuan pada pihak Bank.

- 27.4. SI ini tertakluk pada apa-apa pengaturan bagi pengaturan semasa atau pengaturan masa depan antara Pelanggan dengan Bank berhubung dengan akaun Pelanggan atau apa-apa penyelesaian perbankan yang diberikan kepada mereka.
- 27.5. Bank atas budi bicaranya boleh menamatkan Arahan Tetap ini bagi bayaran masa depan pada bila-bila masa melalui notis bertulis kepada Pelanggan dengan alasan yang sah. Tiada notis diperlukan jika Pelanggan mengesahkan secara bertulis bahawa tiada bayaran lagi yang perlu dibuat.
- 27.6. Arahan Tetap ini kekal berkuat kuasa bagi melindungi Bank dari segi pembayaran dibuat secara jujur. Ini tetap efektif walaupun berlaku kematian Pelanggan atau kebangkrutan atau penggulungan/pembubaran atau pembatalan Arahan Tetap ini melalui apa jua cara lain sehingga notis tentang kematian atau kebangkrutan atau penggulungan/pembubaran Pelanggan atau notis pembatalan tersebut diterima oleh Bank.
- 27.7. Komisen / caj perkhidmatan pada kadar semasa Bank akan dikenakan untuk setiap pembayaran berkala yang dikuatkuasakan oleh Bank. Caj ini tidak termasuk bayaran pos berkaitan dan / atau duti setem serta caj cawangan, surat-menyurat atau ejen anda yang mungkin juga dikenakan.
- 27.8. Bank menurut budi bicaranya boleh mengenakan caj ke atas setiap pembayaran SI yang tidak dilaksanakan kerana ketiadaan dana.
- 27.9. Pelanggan seterusnya bersetuju untuk memberitahu pihak Bank secara bertulis tentang apa jua pertukaran, pindaan atau pembatalan sekurang-kurangnya satu minggu sebelum pembayaran. Walau bagaimanapun, sama ada pihak Bank mematuhi pemberitahuan tersebut adalah mengikut budi bicara dengan alasan yang sah.

28. Kad MyDebit

- 28.1. Kad MyDebit (Kad) yang dikeluarkan akan kekal menjadi harta Bank dan Pelanggan hendaklah mengembalikan Kad tersebut kepada Bank apabila diminta.
- 28.2. Kad dikeluarkan untuk kegunaan Pelanggan sendiri semata-mata dan tidak boleh dipindahkan, disandarkan atau digunakan sebagai sekuriti untuk apa-apa transaksi kredit.
- 28.3. Pelanggan tidak boleh mendedahkan atau menyebabkan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) didedahkan kepada sesiapa sahaja termasuk kakitangan Bank dalam apa-apa jua keadaan. Jika PIN Pelanggan didapati atau disyaki diketahui oleh mana-mana orang, pelanggan hendaklah memberitahu mana-mana cawangan Bank dengan segera dan mengesahkannya secara bertulis.
- 28.4. Jika berlaku apa-apa kehilangan, kecurian atau kemusnahan Kad, Pelanggan perlu memberitahu Bank dengan segera, dan jika gagal berbuat demikian, pelanggan perlu bertanggungjawab ke atas apa-apa transaksi atau penggunaan Kad sehingga had RM3,000 setiap Kad sehari atau amaun lain yang disemak semula selepas itu yang boleh dikeluarkan oleh Pelanggan dalam sehari termasuk pemindahan dana yang boleh dikenakan oleh Bank dari masa ke masa, dikira

secara harian sehingga tarikh pemberitahuan tersebut.

- 28.5. Walau bagaimanapun, Pelanggan boleh pergi ke cawangan untuk menambah had pengeluaran sehingga RM5,000 sahaja.
- 28.6. Semua penggantian dan pembaharuan Kad akan tertakluk pada terma dan syarat yang dikuatkuasakan pada tarikh penggantian atau pembaharuan.
- 28.7. Pelanggan bersetuju dan berjanji akan membayar semua caj tersebut seperti yang mungkin dikenakan dari masa ke masa menurut budi bicara Bank dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari berhubung dengan pengeluaran / penggantian / fi tahunan kad dan untuk transaksi yang dilakukan oleh Pelanggan dengan menggunakan Kad. Atas permintaan Bank, Pelanggan hendaklah membayar semula apa-apa amaun yang terlebih keluar bersama dengan apa-apa faedah ke atasnya yang akan dikira berdasarkan kadar faedah overdraf semasa Bank jika akaun Pelanggan terlebih keluar.
- 28.8. Baki yang dinyatakan dalam akaun Pelanggan yang dipaparkan pada skrin ATM tidak termasuk apa-apa deposit yang tidak disahkan oleh Bank dan / atau prosid bagi mana-mana cek atau instrumen boleh niaga belum terealisasi dan tidak termasuk apa-apa cek yang telah dikeluarkan oleh Pelanggan dan masih belum diproses oleh Bank. Baki yang dipaparkan atau dicetak tidak boleh dianggap sebagai penyata muktamad akaun Pelanggan dengan Bank. Bank dari masa ke masa boleh menyatukan semua transaksi MyDebit yang dilakukan terhadap akaun simpanan Pelanggan dan mencatatkannya pada buku simpanan sebagai dua catatan, masing-masing bagi deposit dan pengeluaran.
- 28.9. Pelanggan hendaklah memberitahu sendiri kepada benefisiari tentang pemindahan kerana Bank tidak akan berbuat demikian. Semua transaksi yang timbul daripada penggunaan MyDebit menggunakan akaun bersama yang ditetapkan hendaklah mengikat semua pemegang akaun secara bersama dan berasingan. Pelanggan tidak boleh meminta Bank bertanggungjawab dalam apa-apa cara bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan yang timbul daripada penggunaan Kad tersebut akibat apa-apa kerosakan mekanikal atau pincang tugas ATM atau Kad tidak dapat disahkan atau selainnya.
- 28.10. Bank pada bila-bila masa berhak membatalkan atau menggantung penggunaan Kad atau menolak untuk mengeluarkan semula, membaharui atau mengganti Kad tersebut tanpa memberikan apa-apa alasannya atau tanpa notis terdahulu. Pelanggan tidak boleh menggunakan Kad selepas diberitahu tentang pembatalan atau penggantungannya oleh Bank dan Pelanggan berjanji akan mengembalikan Kad kepada Bank dengan segera selepas menerima pemberitahuan tersebut. Pelanggan boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis bertulis atau apabila menutup akaunnya dengan Bank dan Pelanggan dengan ini berjanji akan mengembalikan Kad tersebut kepada Bank dengan segera.
- 28.11. Dengan pengaktifan fungsi pembelian 'Tanpa Sentuh' dalam kad MyDebit, Pelanggan hendaklah:
 - a) Menerima semua tanggungjawab ke atas risiko transaksi pembelian 'tanpa pin' di mana-mana Terminal Titik Jualan (POS).
 - b) Memastikan MyDebit sentiasa di bawah jagaannya dan tidak menyerahkannya kepada mana-mana pihak ketiga bagi membenarkan transaksi 'tanpa sentuh' di mana-mana terminal alat 'Tanpa Sentuh'.

29. Kad Debit Visa Affinbank (Untuk Akaun Simpanan atau Akaun Semasa)

- 29.1. Pelanggan mempunyai pilihan untuk memilih dan memohon Kad Debit Visa AFFINBANK.
- 29.2. Bank bersetuju mengeluarkan Kad Debit Visa bagi membenarkan Pelanggan mengeluarkan wang, menyemak baki, membuat transaksi pembelian, pembayaran dan pemindahan menggunakan akaun Pelanggan. Kad Debit Visa akan disediakan atas nama Pelanggan dan hanya untuk kegunaan Pelanggan sahaja.
- 29.3. Penggunaan Kad Debit Visa, tanggungjawab dan liabiliti Pelanggan adalah tertakluk pada Terma dan Syarat Kad Debit Visa yang boleh didapati di AffinAlways.com

30. Akaun Semasa

- 30.1. Cek tidak boleh ditunaikan oleh Pelanggan di Bank kecuali dengan menggunakan borang yang disediakan dan didaftarkan untuk setiap akaun. Permohonan buku cek hendaklah dibuat dengan menggunakan borang permohonan bercetak atau permohonan bertulis oleh Pelanggan kecuali pengeluaran buku cek yang awal.
- 30.2. Syarat yang dicetak pada kulit buku cek hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh Pelanggan dan syarat yang terdapat padanya ialah tambahan bagi syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini.
- 30.3. Pelanggan bersetuju bahawa cek mesti dilengkapkan sewajarnya bagi mengelakkan tambahan atau pindaan selepas dikeluarkan. Cek mesti ditandatangani menurut contoh tandatangan yang didaftarkan dengan Bank. Cek boleh menjadi tidak laku jika Bank menganggapnya berbeza dalam apa-apa cara tanpa apa-apa liabiliti pada pihak Bank.
- 30.4. Semua pindaan hendaklah disahkan dengan tandatangan penuh penyuruh bayar mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 30.5. Cek dengan pindaan akan menjadi tidak laku jika tiada pengesahan bertulis berasingan diterima terlebih dahulu oleh Bank atau jika tiada pengesahan secara peribadi dibuat kepada Pengurus, Perkhidmatan Bank (MBS). Cek berpaling dengan palang 'Terbuka' hanya boleh dibayar dalam tunai apabila dikemukakan untuk pembayaran oleh penyuruh bayar atau ejennya yang dikenali.
- 30.6. Apabila akaun ditutup sama ada oleh Pelanggan atau Bank, semua helaian cek yang tidak digunakan yang dikeluarkan kepada Pelanggan akan menjadi harta Bank dan Pelanggan perlu mengembalikannya kepada Bank dengan sertamerta. Duti setem yang dibayar tidak akan dibayar balik.
- 30.7. Henti Bayar hanya akan dilaksanakan jika cek tidak dikemukakan untuk pembayaran. Sebaik sahaja dilaksanakan, henti bayar tersebut akan mengikat Pelanggan. Setem "Henti Bayar" akan ditampal pada muka hadapan cek dan pengemukaan semula cek tersebut tidak boleh dilakukan. Caj pengendalian henti bayar dan permintaan penyata sementara boleh dikenakan. Apabila cek henti bayar dikembalikan pada masa akaun tidak mempunyai dana yang cukup, penalti dalam jumlah yang ditentukan oleh Bank akan dikenakan.

- 30.8. Pelanggan mengesahkan tidak akan menunaikan cek apabila tidak cukup dana dalam akaunnya pada masa cek dikeluarkan. Jika Bank mengembalikan cek atas alasan tidak cukup dana atau dana belum dijelaskan, Bank akan mengenakan caj penalti seperti yang akan ditentukan oleh Bank dan mendebitkan akaun Pelanggan.
- 30.9. Pelanggan hendaklah sentiasa menggunakan cek yang dibekalkan oleh Bank sahaja untuk digunakan dengan mana-mana Akaun Semasa Bank. Pengeluaran buku cek akan dikenakan caj RM0.15 bagi setiap helaian dan fi pemprosesan cek ialah RM0.50 bagi setiap helaian.

31. Akaun Simpanan

- 31.1. Faedah akan terkumpul berasaskan baki harian akaun mengikut kadar simpanan semasa Bank atau pada apa-apa kadar tertentu yang akan diumumkan oleh Bank dari masa ke masa. Faedah yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan secara bulanan.

Untuk Akaun Buku Simpanan Sahaja

- 31.2. Setiap pemegang akaun akan diberikan Buku Simpanan yang perlu dikemukakan bagi setiap pengeluaran yang dibuat atau apabila dikehendaki oleh Bank untuk memasukkan apa-apa faedah atau butiran yang tidak dicatatkan. Entri dalam Buku Simpanan sah hanya apabila diparap oleh Pegawai Bank yang diberi kuasa. Pelanggan hendaklah menyemak Buku Simpanan selepas setiap transaksi sebelum meninggalkan kaunter Bank bagi memastikan entri yang betul telah dibuat. Jika terdapat lebih daripada 20 transaksi yang tidak dicatatkan semasa mengemas kini Buku Simpanan, sistem akan menggabungkannya ke dalam satu (1) debit dan satu (1) kredit serta mencatatkan angka yang digabungkan itu dalam Buku Simpanan.
- 31.3. Buku Simpanan tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh diserahkan atau disandarkan oleh Pelanggan sebagai sekuriti dan lien tidak boleh diwujudkan padanya untuk tujuan yang sama.
- 31.4. Pelanggan hendaklah menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Jika Buku Simpanan hilang atau musnah, Pelanggan mesti memberitahu Bank secara bertulis dengan segera. Bank akan mengeluarkan Buku Simpanan ganti apabila tanggung rugi diberikan kepada Bank dan caj perkhidmatan seperti yang ditentukan oleh Bank akan dikenakan.
- 31.5. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan Buku Simpanan oleh Pelanggan akibat kecuaiannya sendiri dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pengeluaran fraud daripada akaunnya akibat kehilangan tersebut.

32. Affin Plus

- 32.1. Faedah hendaklah dikira pada kadar tertentu yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa dan dikreditkan secara bulanan ke dalam akaun Pelanggan.
- 32.2. Jika Pelanggan mengeluarkan cek apabila tidak terdapat dana yang cukup dalam akaunnya, Bank berhak menutup akaun tersebut tanpa apa-apa notis dan mengenakan fi penalti dengan menolak selesai fi tersebut terus daripada akaun Pelanggan pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa.

33. Junior Saver

Untuk Akaun Buku Simpanan Sahaja

- 33.1. Setiap Pelanggan yang membuka Junior Saver dengan Bank mestilah diberikan Buku Simpanan yang perlu dikemukakan bagi setiap pengeluaran yang dibuat atau apabila dikehendaki oleh Bank untuk memasukkan apa-apa faedah atau butiran yang tidak dicatatkan. Entri dalam Buku Simpanan sah hanya apabila diparap oleh Pegawai Bank yang diberi kuasa. Pelanggan hendaklah menyemak Buku Simpanan selepas setiap transaksi sebelum meninggalkan kaunter Bank bagi memastikan entri yang betul telah dibuat. Jika terdapat lebih daripada 20 transaksi yang tidak dicatatkan semasa mengemas kini Buku Simpanan, sistem akan menggabungkannya ke dalam satu (1) debit dan satu (1) kredit serta mencatatkan angka yang digabungkan itu dalam Buku Simpanan.
- 33.2. Buku Simpanan tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh diserahkan atau disandarkan oleh Pelanggan sebagai sekuriti dan lien tidak boleh diwujudkan padanya untuk tujuan yang sama.
- 33.3. Pelanggan hendaklah menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Jika Buku Simpanan hilang atau musnah, Pelanggan mesti memberitahu Bank secara bertulis dengan segera. Bank akan mengeluarkan Buku Simpanan ganti apabila tanggung rugi diberikan kepada Bank dan caj perkhidmatan seperti yang ditentukan oleh Bank akan dikenakan.
- 33.4. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan Buku Simpanan oleh Pelanggan akibat kecuaiannya sendiri dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pengeluaran fraud daripada akaunnya akibat kehilangan tersebut.

34. Akaun Affin Gold (AGA)

- 34.1. Deposit minimum untuk membuka akaun ini ialah RM1,000.00.
- 34.2. Faedah akan dikira pada kadar tertentu yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa dan dikreditkan secara bulan ke dalam akaun Pelanggan.
- 34.3. Pilihan sama ada buku simpanan, penyata suku tahunan (berkuat kuasa dari Oktober 2015) atau akaun semasa.
- 34.4. Pilihan sama ada membuka akaun dalam bentuk Akaun Affin Gold Simpanan atau Akaun Affin Gold Semasa.
- 34.5. Bayaran RM10 akan dikenakan pada setiap Jun & Disember jika baki purata sepanjang 6 bulan yang lepas kurang daripada RM1,000 untuk akaun semasa AGA sahaja.
- 34.6. Semua terma dan syarat dalam GTC Bank adalah terpakai.
- 34.7. Bank boleh meminda atau mengubah mana-mana terma dan syarat AGA di sini seperti yang dianggapnya sesuai dan terma yang dipinda itu akan dinyatakan dalam penyata / laman web / media tertentu Bank seperti yang akan dikenakan dari masa ke masa oleh Bank menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari.

Untuk Akaun Buku Simpanan Sahaja

- 34.8. Setiap Pelanggan yang membuka Affin Gold dengan Bank mestilah diberikan Buku Simpanan yang perlu dikemukakan bagi setiap pengeluaran yang dibuat atau apabila dikehendaki oleh Bank untuk memasukkan apa-apa faedah atau butiran yang tidak dicatatkan. Entri dalam Buku Simpanan sah hanya apabila diparap oleh Pegawai Bank yang diberi kuasa. Pelanggan hendaklah menyemak Buku Simpanan selepas setiap transaksi sebelum meninggalkan kaunter Bank bagi memastikan entri yang betul telah dibuat. Jika terdapat lebih daripada 20 transaksi yang tidak dicatatkan semasa mengemas kini Buku Simpanan, sistem akan menggabungkannya ke dalam satu (1) debit dan satu (1) kredit serta mencatatkan angka yang digabungkan itu dalam Buku Simpanan.
- 34.9. Buku Simpanan tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh diserahkan atau disandarkan oleh Pelanggan sebagai sekuriti dan lien tidak boleh diwujudkan padanya untuk tujuan yang sama.
- 34.10. Pelanggan hendaklah menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Jika Buku Simpanan hilang atau musnah, Pelanggan mesti memberitahu Bank secara bertulis dengan segera. Bank akan mengeluarkan Buku Simpanan ganti apabila tanggung rugi diberikan kepada Bank dan caj perkhidmatan seperti yang ditentukan oleh Bank akan dikenakan.
- 34.11. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan Buku Simpanan oleh Pelanggan akibat kecuaiannya sendiri dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pengeluaran fraud daripada akaunnya akibat kehilangan tersebut.

35. Deposit tetap (FD)/Deposit Tetap AFFIN Vault (FD Vault)

- 35.1. Kadar yang disebut untuk Deposit Tetap (FD)/Deposit Tetap AFFIN Vault (FD Vault) Ringgit adalah menurut bicara Bank.
- 35.2. Tempoh bagi wang yang boleh diletakkan di bawah FD/FD Vault dengan faedah ialah 1 bulan dan dalam gandaan 1 bulan sehingga tempoh 60 bulan.
- 35.3. Walau bagaimanapun, amaun minimum untuk deposit 1 bulan ialah RM5,000. Bagi pendeposit individu, Bank akan memaparkan kadar FD/ FD Vault untuk 1 hingga 12 bulan di premis cawangannya dan akan menerima deposit pada kadar yang diumumkan sahaja.
- 35.4. Apabila FD/ FD Vault ditebus sebelum matang (pengeluaran / penutupan awal), syarat yang berikut terpakai:
- Tiada faedah akan dibayar kepada mana-mana deposit 1 bulan, 2 bulan, 3 bulan yang tidak disimpan dalam tempoh penuh.
 - Tiada faedah akan dibayar kepada mana-mana FD/ FD Vault 3 bulan dan ke atas, jika ditebus sebelum tamat tempoh 3 bulan tersebut.
 - Selain keadaan yang dinyatakan dalam (i) & (ii) di atas, faedah akan dibayar untuk bulan penuh seperti yang berikut:
 - Kadar yang akan dibayar untuk FD/ FD Vault yang ditebus sebelum tempoh bulan penuh ialah 50% (separuh) daripada kadar kontrak asal untuk setiap bulan penuh.

Mulai 1 Januari 2019, untuk sebarang penempatan baru dan / atau pembaharuan FD/ FD Vault, tiada faedah akan dibayar untuk pengeluaran pra-matang yang dibuat pada atau selepas 1 Ogos 2018.

Sebagai ilustrasi pada pengeluaran awal adalah seperti berikut:

Tarikh Penempatan atau Pembaharuan	Tarikh Pengeluaran Awal	Pengeluaran Awal
Sebelum 1 Ogos 2018	Sebelum 1 Januari 2019	Untuk Pembayaran Awal (Pengeluaran Awal), berikut hendaklah terpakai: (a) Dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pembukaan akaun. - Tiada faedah yang perlu dibayar oleh Bank. Pelanggan hendaklah mengetepikan haknya atas kadar keseluruhan kontrak. (b) Di atas tiga (3) bulan dari tarikh pembukaan akaun. - Bank akan membayar hanya 50% daripada faedah yang dikira berdasarkan bulan-bulan yang penuh. Pelanggan hendaklah mengetepikan haknya pada baki kadar kontrak.
	Dari 1 Januari 2019	
Dari 1 Ogos 2018	Sebelum 1 Januari 2019	Untuk Pembayaran Awal (Pengeluaran Awal), tiada faedah akan dibayar kepada Pelanggan.
	Dari 1 Januari 2019	

Bayaran Faedah

- 35.5. Faedah ke atas FD/ FD Vault bagi dua belas (12) bulan dan ke bawah akan dibayar apabila matang.
- 35.6. Faedah interim ke atas FD tiga belas (13) bulan dan ke atas akan dibayar setiap 6 bulan apabila matang.
- 35.7. Wang yang didepositkan akan dibayar berdasarkan faedah biasa, kecuali dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh Bank.
- 35.8. Bayaran akan dibuat kepada penandatanganan dibenarkan bagi FD/ FD Vault apabila pengenalan sah dikemukakan.
- 35.9. Pengeluaran separa FD/ FD Vault boleh dibenarkan dengan syarat:
 - a) Akaun tersebut ialah akaun individu, bersama atau minor.
 - b) Baki FD/ FD Vault mestilah melebihi RM20,000 selepas pengeluaran apa-apa amaun seperti yang ditentukan oleh Bank dari masa ke masa.
 - c) Amaun akan ditetapkan dalam gandaan RM5,000 atau apa-apa amaun yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa.
 - d) Kadar faedah penalti ialah 50% daripada kadar faedah kontrak akan dikenakan. Kadar ini terpakai bagi amaun pengeluaran untuk menentukan

faedah yang akan dibayar.

- 35.10. Menurut “Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Semakan 2002)”, FD/ FD Vault ini akan dihantar kepada Pendaftar, Bahagian Perkhidmatan Amanah Wang Tak Dituntut jika tarikh transaksi terakhir (termasuk tarikh arahan pembaharuan automatik) lebih daripada 7 tahun.
- 35.11. Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara bukti fizikal penerimaan FD/ FD Vault yang dikeluarkan oleh Pendeposit atau bukti lain dalam apa-apa jenis / bentuk dengan penyata akaun Bank, penyata akaun hendaklah diterima berhubung dengan ketidakselarasan itu.
- 35.12. Bukti berdokumen Deposit Tetap/Deposit Tetap AFFIN Vault yang dikemukakan oleh Pendeposit tidak boleh digunakan untuk membuat tuntutan terhadap Bank dan jika berlaku apa-apa pertikaian atau konflik antara rekod Bank dengan rekod Pendeposit, rekod Bank hendaklah diterima untuk semua maksud dan tujuan.
- 35.13. Terma dan syarat dalam dokumen ini hendaklah tertakluk pada mana-mana undang-undang dan apa-apa pengubahsuaian lain padanya dari masa ke masa dengan memberikan notis terdahulu kepada Pelanggan secara bertulis dan/atau menyiarkan apa-apa pindaan tersebut pada laman web dan/atau dengan menampal notis di dewan bank atau pada lokasi yang mudah dilihat di cawangan AFFIN BANK.

36. Akaun Semasa Mata Wang Asing

- 36.1. Akaun Semasa Mata Wang Asing (FCY) boleh dibuka dengan deposit awal minimum USD1,000 atau yang setara dengannya.
- 36.2. Apa-apa akaun boleh dibuka hanya menurut budi bicara Bank dan hanya berdasarkan rujukan serta dokumen pengenalan juga dokumen untuk membuka akaun yang diperoleh dan diisi sepenuhnya serta memuaskan menurut keperluan Bank.
- 36.3. Kad ATM dan buku tidak akan dikeluarkan kepada pemegang akaun bagi Akaun Mata Wang Asing.
- 36.4. Deposit yang dimasukkan ke dalam Akaun Mata Wang Asing dalam wang kertas dan wang syiling asing tidak dibenarkan. Prosid eksport atau bukan eksport boleh didepositkan hanya melalui pertukaran Ringgit Malaysia kepada mata wang asing, pembayaran peminjaman mata wang asing, pemindahan bertelegraf, draf bank asing, cek atau instrumen boleh niaga dalam bentuk dan bahan yang boleh diterima.
- 36.5. Pengeluaran daripada Akaun Mata Wang Asing tidak dibenarkan dalam bentuk wang kertas dan wang syiling asing.
- 36.6. Pelanggan juga boleh menguruskan Akaun Semasa atau Simpanan Ringgit Malaysia (RM) dengan Bank bagi memudahkan pertukaran RM kepada FCY dan sebaliknya.
- 36.7. Membuka dan meneruskan operasi Akaun Mata Wang Asing tertakluk pada kaedah, peraturan dan had yang ditetapkan oleh Jabatan Pentadbiran Mata Wang Asing, Bank Negara Malaysia.
- 36.8. Apabila dikehendaki, Pelanggan hendaklah memberikan apa-apa maklumat /

dokumen sokongan yang dikehendaki kepada Bank bagi memastikan pematuhan Peraturan Pentadbiran Mata Wang Asing, pelaporan kawal selia atau untuk apa-apa alasan yang Bank menganggapnya munasabah atau perlu.

- 36.9. Pelanggan hendaklah memastikan semua bayaran, pemindahan daripada atau ke dalam akaun mata wang asing dalam Bank atau Bank lain mematuhi peruntukan semasa Notis Peraturan Pentadbiran Mata Wang Asing (Peraturan FEA) dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan pindaan padanya.
- 36.10. Pelanggan hendaklah memastikan pertukaran Ringgit dan sumber dana untuk peletakan mematuhi peruntukan semasa Peraturan FEA dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia menurut FSA dan pindaan padanya.
- 36.11. Apabila akaun dibuka oleh pengantara, termasuk peguam cara, Pelanggan hendaklah mengisytiharkan sama ada dana dipegang dalam amanah / dimiliki oleh Pemastautin atau Bukan Pemastautin dan memastikan dana yang dimiliki oleh Pemastautin dan Bukan Pemastautin diasingkan.
- 36.12. Bank hendaklah mempunyai budi bicara, tanpa memberikan apa-apa alasan, untuk menolak / tidak menerima / membatalkan apa-apa transaksi atau arahan jika Bank mengesyaki transaksi atau arahan tersebut tidak mematuhi undang-undang yang terpakai (termasuk Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing), sekatan atau wang yang digunakan untuk transaksi tersebut diperoleh daripada sumber haram dan / atau transaksi tersebut digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang dan / atau jika apa-apa maklumat dan / atau dokumen yang disediakan untuk menyokong transaksi atau arahan ini tidak memuaskan Bank.
- 36.13. Bank boleh mendebitkan akaun FCY Pelanggan jika akaun melebihi had yang ditetapkan di bawah Kawalan Pentadbiran Pertukaran Asing Malaysia. Lebihan itu akan ditukar kepada Ringgit pada kadar belian semasa Bank dan mengkreditkan akaun Ringgit Pelanggan, dan Pelanggan tidak boleh membuat tuntutan terhadap Bank bagi apa-apa kerugian bagi pertukaran / perolehan yang dialami atau yang terhasil daripadanya.
- 36.14. Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank bagi apa-apa tindakan yang boleh diambil oleh Bank untuk mematuhi kaedah, peraturan dan had yang dikenakan di bawah Peraturan FEA.
- 36.15. Terma dan Syarat khas ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Akaun Semasa sedia ada serta Terma dan Syarat Am ("GTC") yang terpakai bagi semua jenis akaun / produk / perkhidmatan serta Terma dan Syarat Khas yang dinyatakan di bawah ini hendaklah membentuk sebahagian daripada GTC.

37. AKAUN DEPOSIT TETAP MATA WANG ASING

- 37.1. Deposit wang untuk tempoh tetap (selepas ini dirujuk sebagai "peletakan") dibenarkan tertakluk pada terma dan syarat seperti yang akan dikenakan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad pada keperluan amaun minimum seperti yang ditentukan oleh Bank. Terma dan syarat mungkin berbeza untuk peletakan mata wang yang berbeza dan Bank berhak mengubah terma dan syarat tersebut pada bila-bila masa dan dari masa ke masa seperti yang dianggapnya sesuai.

- 37.2. Membuka dan meneruskan operasi Akaun Deposit Tetap Mata Wang Asing tertakluk pada kaedah, peraturan dan had yang ditetapkan oleh Jabatan Pentadbiran Mata Wang Asing, Bank Negara Malaysia. Apabila dikehendaki, Pelanggan hendaklah memberikan apa-apa maklumat / dokumen sokongan kepada Bank yang diperlukan untuk tujuan memastikan pematuhan Peraturan FEA, pelaporan kawal selia atau apa-apa alasan lain yang Bank menganggapnya munasabah atau perlu. Pelanggan hendaklah memastikan pertukaran Ringgit, sumber dana untuk peletakan dan penggunaan dana mematuhi peruntukan semasa dalam Notis tentang Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 serta pindaan padanya.

38. AFFIN eSaver

- 38.1. Faedah hendaklah dikira pada kadar tertentu yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa dan dikreditkan secara bulanan ke dalam akaun Pelanggan.
- 38.2. Mendepositkan amaun awal untuk AFFIN eSaver di mana-mana cawangan Affin Bank dalam tempoh empat belas (14) hari.
- 38.3. Jika Pelanggan gagal mendepositkan amaun awal dalam tempoh empat belas (14) hari, apabila baki amaun sifar, Bank berhak menutup AFFIN eSaver Pelanggan secara automatik tanpa memberikan apa-apa alasan.
- 38.4. Bank berhak menolak mana-mana permohonan untuk membuka AFFIN eSaver menurut budi bicara mutlaknyanya.
- 38.5. Akaun bersama tidak dibenarkan.
- 38.6. Deposit minimum untuk membuka akaun ialah RM250.00 dan akan dihadkan pada setiap masa, iaitu Pelanggan tidak dibenarkan mengeluarkan / mendebitkan daripada akaun AFFIN eSaver jika baki akaun kurang daripada atau bersamaan dengan RM250.00.
- 38.7. Pelanggan hanya dibenarkan memohon satu (1) akaun AFFIN eSaver atau AFFIN eSaver-I.
- 38.8. Untuk menutup akaun, pelanggan boleh melakukannya di kaunter Cawangannya sendiri.
- 38.9. Semua terma dan syarat seperti dalam GTC Bank adalah terpakai.
- 38.10. Terma dan Syarat khas ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Akaun Semasa sedia ada serta Terma dan Syarat Am ("GTC") yang terpakai bagi semua jenis akaun / produk / perkhidmatan dan Terma dan Syarat khas yang dinyatakan di bawah ini hendaklah membentuk sebahagian daripada GTC.

39. AFFIN AVANCE™ SAVVY

- 39.1 Kelayakkan untuk membuka AFFIN AVANCE Savvy adalah tertakluk kepada salah satu kriteria AFFIN AVANCE :
- Gaji minimum sebanyak RM7,000 sebulan **ATAU**
 - Minimum jumlah Aset Di bawah Pengurusan RM50,000 **ATAU**
 - Gabungan Ahli Professional iaitu pemegang Pengurusan Kewangan

Bertauliah

- 39.2 Deposit minimum untuk membuka akaun ini ialah RM100.00.
- 39.3 Baki minimum untuk dikekalkan adalah RM10.00 iaitu pelanggan tidak dibenarkan mengeluarkan / mendebit dari AFFIN AVANCE Savvy sekiranya baki akaun kurang dari atau sama dengan RM10.00.
- 39.4 Faedah akan dikira pada kadar tertentu yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa dan dikreditkan secara bulan ke dalam akaun Pelanggan.
- 39.5 Semua terma dan syarat dalam GTC Bank adalah terpakai.
- 39.6 Bank boleh meminda atau mengubah mana-mana terma dan syarat AFFIN AVANCE Savvy di sini seperti yang dianggapnya sesuai dan terma yang dipinda itu akan dinyatakan dalam penyata / laman web / media tertentu Bank seperti yang akan dikenakan dari masa ke masa oleh Bank menurut budi bicaranya dengan memberikan dua puluh satu (21) hari notis terlebih dahulu.
- 39.7 Jika Pelanggan mengeluarkan cek apabila tidak terdapat dana yang cukup dalam akaunnya, Bank berhak menutup akaun tersebut tanpa apa-apa notis dan mengenakan fi penalti dengan menolak selesai fi tersebut terus daripada akaun Pelanggan pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa.
- 39.8 Terma dan Syarat khas ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Akaun Semasa sedia ada serta Terma dan Syarat Am ("GTC") yang terpakai bagi semua jenis akaun / produk / perkhidmatan dan Terma dan Syarat khas yang dinyatakan di bawah ini hendaklah membentuk sebahagian daripada GTC.

40 AKAUN AFFIN INVIKTA™

- 40.1 Kelayakan untuk membuka akaun ini adalah melalui jemputan dari bank.
- 40.2 Deposit minimum untuk membuka akaun ini ialah RM50.00.
- 40.3 Baki minimum untuk dikekalkan RM1,000.00 iaitu pelanggan tidak dibenarkan mengeluarkan / mendebit dari Akaun AFFIN INVIKTA™ sekiranya baki akaun kurang dari atau sama dengan RM1,000.00.
- 40.4 Faedah akan dikira pada kadar tertentu yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa dan dikreditkan secara bulanan ke dalam akaun Pelanggan.
- 40.5 Semua terma dan syarat dalam GTC Bank adalah terpakai.
- 40.6 Bank boleh meminda atau mengubah mana-mana terma dan syarat Akaun AFFIN INVIKTA™ di sini seperti yang dianggapnya sesuai dan terma yang dipinda itu akan dinyatakan dalam penyata / laman web / media tertentu Bank seperti yang akan dikenakan dari masa ke masa oleh Bank menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari.
- 40.7 Jika Pelanggan mengeluarkan cek apabila tidak terdapat dana yang cukup dalam akaunnya, Bank berhak menutup akaun tersebut tanpa apa-apa notis dan mengenakan fi penalti dengan menolak selesai fi tersebut terus daripada

akaun Pelanggan pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa.

- 40.8 Terma dan Syarat khas ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Akaun Semasa sedia ada serta Terma dan Syarat Am ("GTC") yang terpakai bagi semua jenis akaun / produk / perkhidmatan dan Terma dan Syarat khas yang dinyatakan di bawah ini hendaklah membentuk sebahagian daripada GTC.

41 AKAUN AFFIN SAVINGS VAULT

- 41.1 Pelanggan baharu boleh mengunjungi mana-mana cawangan AFFIN untuk membuka Akaun AFFIN Savings Vault (membuka akaun melalui kaunter di mana-mana cawangan AFFIN sahaja pada hari berkerja).
- 41.2 Deposit minimum untuk membuka akaun ini ialah RM100.00 dan Baki minimum untuk dikekalkan RM1.00, iaitu pelanggan tidak dibenarkan mengeluarkan / mendebit dari Akaun AFFIN Savings Vault sekiranya baki akaun kurang dari atau sama dengan RM1.00.
- 41.3 Semua pengeluaran dana atau penutupan akaun mesti dilakukan secara peribadi melalui kaunter di mana-mana cawangan AFFIN di Malaysia.
- 41.4 Faedah akan dikira pada kadar tertentu yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dan dikreditkan secara bulanan ke dalam akaun Pelanggan.
- 41.5 Semua terma dan syarat dalam TSA Bank adalah terpakai.
- 41.6 Bank boleh meminda atau mengubah mana-mana terma dan syarat Akaun AFFIN Savings Vault di sini seperti yang dianggapnya sesuai dan terma yang dipinda itu akan dinyatakan dalam penyata / laman web / media tertentu Bank seperti yang akan dikenakan dari semasa ke semasa oleh Bank menurut budi bicaranya dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar.
- 41.7 Terma dan Syarat khas ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Akaun Semasa sedia ada serta Terma dan Syarat Am ("TSA") yang terpakai bagi semua jenis akaun / produk / perkhidmatan dan Terma dan Syarat khas yang dinyatakan di bawah ini hendaklah membentuk sebahagian daripada TSA.

Untuk Akaun Buku Simpanan Sahaja

- 41.8 Setiap Pelanggan yang membuka Akaun Affin Savings Vault dengan Bank mestilah diberikan Buku Simpanan yang perlu dikemukakan bagi setiap pengeluaran yang dibuat atau apabila dikehendaki oleh Bank untuk memasukkan apa-apa faedah atau butiran yang tidak dicatatkan. Entri dalam Buku Simpanan sah hanya apabila diparap oleh Pegawai Bank yang diberi kuasa. Pelanggan hendaklah menyemak Buku Simpanan selepas setiap transaksi sebelum meninggalkan kaunter Bank bagi memastikan entri yang betul telah dibuat. Jika terdapat lebih daripada 20 transaksi yang tidak dicatatkan semasa mengemas kini Buku Simpanan, sistem akan menggabungkannya ke dalam satu (1) debit dan satu (1) kredit serta

mencatatkan angka yang digabungkan itu dalam Buku Simpanan.

- 41.9 Buku Simpanan tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh diserahkan hak atau disandarkan oleh Pelanggan sebagai sekuriti dan lien tidak boleh diwujudkan padanya untuk tujuan yang sama.
- 41.10 Pelanggan hendaklah menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Jika Buku Simpanan hilang atau musnah, Pelanggan mesti memberitahu Bank secara bertulis dengan segera. Bank akan mengeluarkan Buku Simpanan ganti apabila tanggung rugi diberikan kepada Bank dan caj perkhidmatan seperti yang ditentukan oleh Bank akan dikenakan.
- 41.11 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan Buku Simpanan oleh Pelanggan akibat kecuaiannya sendiri dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pengeluaran fraud daripada akaunnya akibat kehilangan tersebut.

42 AKAUN A1ADDIN ESAVER

- 42.1 Pelanggan baharu boleh mengunjungi mana-mana cawangan AFFIN untuk membuka Akaun A1addin eSaver (membuka akaun melalui kaunter di mana-mana cawangan AFFIN sahaja pada hari berkerja).
- 42.2 Akaun Bersama adalah tidak dibenarkan.
- 42.3 Deposit tunai permulaan minimum untuk membuka akaun ini ialah RM20.00 dan ini adalah baki minimum yang perlu dikekalkan dalam akaun pada setiap masa. Pelanggan tidak akan dibenarka untuk mengeluarkan/debit daripada akaun sekiranya baki akaun kurang dari atau sama dengan RM20.00.

43 AKAUN SIMPANAN AFFIN DIVENTIUM

- 43.1 Pembukaan akaun ini adalah melalui jemputan sahaja.
- 43.2 Deposit minimum untuk membuka akaun ialah RM10,000.
- 43.3 Tiada baki minimum yang perlu dikekalkan dalam Akaun
- 43.4 Pelanggan mestilah ahli Keahlian AFFIN DIVENTIUM
- 43.5 Faedah hendaklah dikira pada kadar yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dan dikreditkan setiap bulan ke dalam akaun Pelanggan.
- 43.6 Bank bebas untuk meminda atau mengubah mana-mana terma dan syarat Akaun AFFIN DIVENTIUM di sini yang difikirkan sesuai dan terma yang dipinda tersebut hendaklah ditunjukkan dalam penyata/laman web/media Bank mengikut budi bicaranya yang boleh dikenakan dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari lebih awal.

44 AKAUN SEMASA AFFIN DIVENTIUM

- 44.1 Pembukaan akaun ini adalah melalui jemputan sahaja
- 44.2 Deposit minimum untuk membuka akaun ini ialah RM10,000.00.
- 44.3 Tiada baki minimum untuk dikekalkan.
- 44.4 Pelanggan mestilah ahli Keahlian AFFIN DIVENTIUM
- 44.5 Faedah akan dikira pada kadar tertentu yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa dan dikreditkan secara bulanan ke dalam akaun Pelanggan.
- 44.6 Jika Pelanggan mengeluarkan cek apabila terdapat dana yang tidak mencukupi dalam akaunnya, Bank berhak untuk menutup akaun tanpa sebarang notis dan mengenakan yuran penalti dengan mengetepikan yuran tersebut terus daripada akaun Pelanggan pada kadar yang mungkin ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Nota: Walau apa pun yang tersebut sebelumnya, apabila anda memohon untuk mendapatkan versi bahasa Malaysia maka Bank akan memberikan versi Bahasa Malaysia kepada anda.